



Ruj. Kami : JPA (S) 223/8/3 Klt. 13 (11)
Tarikh : 21 Oktober 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

**PEMBERIAN PELEPASAN SEPerti BERTUGAS RASMI
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG DILANTIK
SEBAGAI PETUGAS LEMBAGA TABUNG HAJI DI TANAH
SUCI SEMASA MUSIM HAJI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya pegawai Perkhidmatan Awam yang dilantik oleh Lembaga Tabung Haji (LTH) untuk bertugas di Tanah Suci semasa musim haji (selepas ini disebut sebagai 'Petugas LTH') bagi pihak LTH diberi **pelepasan seperti bertugas rasmi**.

3. Pelaksanaan pemberian pelepasan ini adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat dan peraturan-peraturan seperti berikut:

- 3.1 pelepasan ini adalah **layak** diberikan kepada pegawai Perkhidmatan Awam lantikan secara **tetap** dan **sementara** sahaja;
- 3.2 pegawai **layak** dibayar **gaji pokok** bagi sepanjang tempoh yang dibenarkan untuk bertugas sebagai Petugas LTH;

- 3.3 pegawai layak dibayar **imbuhan-imbuhan tetap** dan **elaun/ bayaran insentif** tertentu seperti di **Lampiran A** bagi sepanjang tempoh yang dibenarkan untuk bertugas sebagai Petugas LTH;
 - 3.4 semua elaun, kemudahan dan bayaran sebagaimana yang diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam kerana menjalankan tugas rasmi telahpun disediakan oleh pihak LTH. Dengan itu, pegawai yang dilantik sebagai Petugas LTH **tidak layak** menuntut **sebarang elaun, kemudahan atau apa-apa bayaran sebagaimana yang diperuntukkan di bawah** Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2003 dan pindaannya dari semasa ke semasa;
 - 3.5 pegawai **tidak layak** menuntut sebarang bayaran bagi tujuan **kemudahan perlindungan insurans kesihatan** sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004 dan pindaannya dari semasa ke semasa;
 - 3.6 tempoh pelepasan yang dibenarkan adalah sebanyak **tidak melebihi daripada 60 hari sahaja** bagi setiap musim haji;
 - 3.7 pemberian pelepasan ini adalah dipertimbang dan diluluskan oleh **Ketua Jabatan**, tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan;
 - 3.8 tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan, Ketua Jabatan **boleh** pada bila-bila masa memanggil pegawai untuk bertugas semula; dan
 - 3.9 pemberian pelepasan ini hendaklah **direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan** pegawai.
4. Peraturan ini berkuat kuasa **mulai 15 Oktober 2009**.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(BASARUDDIN BIN SADALI)

Pengarah Bahagian Saraan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Senarai Elaun/ Bayaran Insentif Yang Layak Dibayar Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Dilantik Sebagai Petugas Lembaga Tabung Haji Di Tanah Suci Semasa Musim Haji

1. Bayaran Insentif Pakar.
2. Bayaran Insentif Pedalaman.
3. Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam.
4. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.
5. Bayaran Insentif Pos Basik.
6. Bayaran Insentif Wilayah.
7. Elaun Guru Besar.
8. Elaun Pengetua.
9. Elaun Khas Mengikut Lokasi Dan Tahap Kesusahan.
10. Elaun Pemangkuan.
11. Elaun Perumahan Wilayah.
12. Bantuan Sara Hidup.